



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

---

**TEKS PERUTUSAN  
KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA**

**BERSEMPENA DENGAN**

**SAMBUTAN HARI GURU  
PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE-54  
TAHUN 2025**

**TARIKH:  
16 MEI 2025**

**TEMA HARI GURU  
“GURU PEMACU REFORMASI PENDIDIKAN”**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

## PENDAHULUAN

1. Setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama meraikan Sambutan Hari Guru pada tahun ini dalam suasana penuh makna. ‘Selamat Hari Guru’ diucapkan kepada seluruh warga pendidik yang telah mencurahkan ilmu, mendidik dengan penuh dedikasi dan membimbing dengan hati yang ikhlas. Tanggal 16 Mei saban tahun menjadi detik istimewa untuk kita semua warga sekolah, murid dan komuniti mengenang serta menghargai segala jasa dan pengorbanan guru-guru tercinta.

## TEMA HARI GURU

2. Pendidikan merupakan teras utama dalam pembangunan insan dan negara. Ia bukan sekadar proses penyampaian ilmu, tetapi juga satu usaha membentuk jati diri, sahsiah serta pemikiran kritis generasi pewaris bangsa. Oleh yang demikian, guru memainkan peranan yang amat besar dalam membina masa depan negara melalui pengetahuan, kemahiran dan pemupukan nilai kepada murid kita. Tema Hari Guru tahun ini iaitu '**GURU PEMACU REFORMASI PENDIDIKAN**', kita mengiktiraf peranan guru bukan sekadar menyampaikan ilmu, tetapi juga menjadi agen perubahan yang membentuk masa hadapan sistem pendidikan di samping membangunkan generasi muda MADANI yang

berdaya tahan serta berdaya saing dalam menangani cabaran globalisasi yang dinamik.

Guru dan murid yang dikasihi sekalian,

3. Menggalas tanggungjawab sebagai pamacu reformasi pendidikan, kita perlu sentiasa merancang untuk memberi nafas baharu dalam kerjaya dengan penerapan budaya kerja berlandaskan data yang sahih dan tepat. Ini amat penting kerana kita dapat merancang proses pengajaran dan pembelajaran di dalam atau di luar bilik darjah berdasarkan data prestasi murid yang dikumpulkan. Data seperti keputusan ujian dan penilaian bilik darjah adalah gambaran jelas tentang kekuatan dan kelemahan setiap murid. Dengan pendekatan ini, kita dapat menyesuaikan kaedah pengajaran untuk memastikan setiap murid mencapai potensi mereka ke tahap maksimum.

4. Kita semua sedar untuk terus istiqamah dalam merancang dan melaksanakan tanggungjawab serta amanah yang diberikan merupakan satu cabaran besar. Cabaran dalaman dan luaran akan sentiasa menghambat setiap langkah kita. Namun, sebagai pendidik kita perlu mempunyai daya tahan yang tinggi, agar mampu menghadapi cabaran dengan ketabahan dan kebolehan untuk beradaptasi sekaligus menjadikan cabaran sebagai batu loncatan dalam meningkatkan kualiti kita sebagai pamacu reformasi pendidikan.

5. Guru sebagai pamacu reformasi pendidikan yang berada di barisan hadapan perlu sentiasa mengutamakan agenda utama kita iaitu kemenjadian murid. Di sinilah kejayaan sesuatu intervensi pendidikan

seharusnya diukur berdasarkan hasil yang memberi *Return on Investment* (ROI) yang signifikan, sama ada dari segi pencapaian murid, kebolehpasaran graduan atau impak kepada komuniti. Pemantauan yang berterusan perlu menjadi salah satu agenda utama bagi membolehkan kita memberi bimbingan dan sokongan yang berterusan kepada anak didik kita.

6. Dalam menjayakan reformasi pendidikan, kita perlu mempunyai kemampuan sebagai pemandu arah. Mengapa kita perlu bertahan untuk terus memberi bimbingan sehingga mereka berjaya? Kerana itulah objektif kita, memastikan kejayaan anak murid. Untuk itu, kita perlu bersiap sedia mendepani perubahan dan cabaran dalam persekitaran pembelajaran. Kita perlu menggalakkan kerja berpasukan dan komunikasi yang efektif dalam kelas, bagi memastikan setiap murid berasa dihargai dan dilibatkan dalam proses pembelajaran.

7. Kecekapan dalam pengurusan masa dan sumber adalah kunci kejayaan dalam pendidikan. Sebagai guru, kita perlu merancang setiap sesi pengajaran dan pembelajaran dengan teliti untuk memastikan masa digunakan dengan sebaiknya dan sumber yang ada dimanfaatkan sepenuhnya. Dengan cara ini, kita dapat memastikan murid menerima pengalaman pembelajaran yang berkesan dan mencapai objektif yang ditetapkan dalam tempoh masa yang ditentukan.

Guru dan murid yang dikasihi sekalian,

8. Satu daripada fokus utama dalam Reformasi Pendidikan tahun ini adalah untuk menangani isu keciciran murid. Inilah antara cabaran besar

yang menuntut komitmen semua pihak, khususnya guru sebagai petugas di barisan hadapan. KPM dengan kerjasama strategik Kementerian Kewangan telah melancarkan Program Anak Kita pada 27 September 2024 bagi menyokong inisiatif reformasi pendidikan dalam menangani isu keciciran pembelajaran. Program ini memberi peluang kedua kepada murid, memperkasakan intervensi awal, dan merapatkan jurang pembelajaran. Di sinilah guru memegang amanah besar memastikan tiada murid tercincir dan tiada potensi yang disia-siakan. Setiap murid yang dikenal pasti berisiko, perlu ditangani dengan kasih sayang, ketekunan, dan kebijaksanaan seorang guru.

## **KEJAYAAN**

Guru dan murid yang dikasihi sekalian,

9. Seiring dengan tema hari guru tahun ini, kejayaan guru kita yang mendapat pengiktirafan di luar negara antaranya Cikgu Muhammad Iman Nurhakim bin Mohammad Mastural dan Mohd Faruhi bin Johari dari Sekolah Menengah Teknik Alor Setar, Kedah yang telah memenangi Pingat Emas dalam International Festival of Engineering, Science and Technology 2025 (I-FEST<sup>2</sup> 2025) di Tunisia serta Cikgu Muhammad Nazmi Rosli dari SK Long Sebangang, Lawas, Sarawak yang telah diiktiraf antara 50 finalis terbaik dunia untuk Global Teacher Prize 2025 perlu diketengahkan. Inilah wajah sebenar reformasi pendidikan yang kita hasratkan dan semoga lebih ramai guru kita melakar kejayaan di pentas dunia.

10. Di samping itu, kejayaan tiga murid Orang Asli dari Sekolah Kebangsaan Permatang Keledang Pekan, Pahang iaitu adik Matthew Jambai Karong, Hafizie Azwanizi dan Fizrey Rovince Ronachai yang telah memenangi pingat emas bagi pertandingan *Junior Creative Category (Technic)* dalam International Robot Olympiad ke-26 di Busan, Korea pada Januari 2025 turut menyokong reformasi pendidikan seperti dihasratkan oleh KPM. Ini membuktikan semua murid berpotensi dan berpeluang menyertai program atau pertandingan pada peringkat antarabangsa dengan bimbingan guru. Kejayaan ini membuktikan hasil didikan dan pemudah cara insan yang bergelar guru dapat mencungkil bakat dan potensi murid mendapat pengiktirafan sehingga ke peringkat antarabangsa.

## **PENUTUP**

Guru dan murid yang dikasihi sekalian,

11. Pada kesempatan ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua guru di seluruh negara. Tanpa pengorbanan, dedikasi, dan semangat kental yang ditunjukkan oleh guru, tidak mungkin kita dapat melihat kecemerlangan pendidikan yang dinikmati pada hari ini. Marilah kita terus berusaha menjadi pemacu reformasi pendidikan, bukan sahaja untuk meningkatkan sistem pendidikan, tetapi untuk melahirkan generasi masa hadapan yang lebih cemerlang, berdaya saing, dan mampu menghadapi cabaran dunia global. Andalah yang menghidupkan dasar, menyemarakkan semangat dan membentuk hala tuju generasi MADANI akan datang.

Terima kasih Cikgu!

Sekian.

Wabillahi taufik wal hidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi  
wabarakatuh.

**Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia**

**16 Mei 2025**